

3 sektor perkukuh daya saing negara

BH- 31/1/2007

Pembangunan modal insan bertaraf antarabangsa penentu kejayaan IMP3

Oleh Mohd Shukri Ab Yajid

PELAN Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006-2020 yang dilancarkan Ogos lalu mensasar untuk menambah daya saing Malaysia pada peringkat antarabangsa melalui tiga sektor yang dikenal pasti menjadi teras ekonomi negara iaitu pembuatan, perkhidmatan dan pertanian.

Pelan itu mensasarkan ketiga-tiga teras ekonomi itu menjadi kukuh untuk menyokong daya saing negara menjelang 2020. Sektor pembuatan menjadi matang dan menyeluruh, sektor perkhidmatan menjadi kompetitif dan inovatif manakala sektor pertanian pula dinamik dan moden.

Dalam usaha meningkatkan rangkaian nilai ekonomi itu, IMP3 akan menggerakkan ketiga-tiga sektor berkenaan melangkaui peringkat 'pembangunan pertengahan' supaya lebih produktif, mempunyai nilai tambah dan berintensifkan pengetahuan, menjelang 2020.

Pada masa ini, sektor pembuatan dilaporkan menyumbang 31 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. manakala eksport pembuatan menyumbang 77 peratus daripada jumlah eksport.

Sektor itu disasarkan berkembang kira-kira enam peratus setahun sepanjang tempoh IMP3 dan menyumbang 29 peratus kepada KDNK pada 2020.

Bagi menggalakkan sektor itu berkembang ke arah pengeluaran lebih banyak komponen atau barang bernilai tambah, IMP3 mensasarkan penggunaan teknologi yang lebih meluas dan memberi penekanan terhadap produk atau proses penambahbaikan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pertumbuhan industri pembuatan berasaskan sumber pula akan digalakkan memandangkan industri berasaskan bukan sumber seperti elektrik, elektronik, peralatan dan mesin menunjukkan pertumbuhan dan peningkatan dalam sumbangannya (KDNK).

Sumber asli negara yang kaya juga akan dimajukan sepenuhnya untuk membangunkan produk bernilai tambah tinggi seperti oleokimia, biofuel, produk kayu, produk makanan, farmaseutikal dan nutrasetikal.

Sektor perkhidmatan bukan kerajaan diunjurkan berkembang 7.5 peratus dan menambah sumbangannya kepada KDNK daripada 51 peratus pada 2005 kepada 60 peratus pada 2020.

Sejajar unjuran ini, Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM) mengambil langkah awal dalam memantapkan beberapa bidang pengkhususan yang ditawarkan. Ini termasuk meremajakan program pengajian sedia ada seperti Sains Kesihatan, Sains Maklumat dan Kejuruteraan dan Pengurusan. Di samping itu, bidang Kesihatan dan Hospitaliti turut menjadi tonggak utama dalam perencanaan kolej universiti ini menuju 2020.

IMP3 memberi tumpuan terhadap usaha membangunkan lapan subsektor perkhidmatan iaitu perkhidmatan profesional dan perniagaan, perdagangan pengedaran, pembinaan, pendidikan dan latihan, pen-

jagaan kesihatan, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta logistik.

Bagi sektor pertanian, IMP3 memberi tumpuan untuk menggiat dan memodenkan sektor yang selama ini kurang mendapat perhatian, termasuk menggalakkan pemindahan teknologi dan amalan terbaik melalui perladangan kontrak, penghasilan biji benih yang memberi pulangan tinggi, mengukuhkan rangkaian bekalan serta penyertaan sektor swasta berskala besar dalam sektor berkenaan.

Dalam usaha memberi kesan transformasi dalam ketiga-tiga teras ekonomi, pendekatan lebih fokus akan diguna pakai bagi menarik pelaburan langsung asing, terutama dalam aktiviti bernilai tambah lebih tinggi.

Pelaburan dalam negara akan diperoleh dengan memberi tumpuan terhadap industri dan subsektor, dengan potensi eksport yang tinggi dan kelebihan persaingan tempatan penting seperti produk makanan, produk halal dan produk berasaskan sawit.

Kerajaan juga akan terus menggalakkan pertumbuhan pelaburan Malaysia di luar negara bagi mengembangkan skop dan skala industri domestik.

Pendekatan Malaysia pada peringkat global adalah pasti. Semua pihak wajib mengemblem tenaga ke arah ini. Sempena menyahut cabaran ini, KUTPM mempertingkatkan pembabitannya ke tahap antarabangsa.

Pusat pengajian yang dibangunkan sendiri ataupun secara usaha sama diwujudkan di Beijing, Singapura, Vietnam dan Bangalore. Di samping itu, ramai pakar pelawat luaran diserapkan dalam proses pembelajaran agar anak didiknya lebih berketramplan dan 'employable'.

Berdasarkan unjuran dalam IMP3 itu, kemajuan Malaysia pada masa depan bergantung kepada sejauh mana negara boleh bersaing pada peringkat global. Namun, bagi mencapai peralihan ini, ia memerlukan modal insan berkualiti tinggi, tenaga kerja mahir, kreatif, celik teknologi maklumat serta kuat dari segi fizikal, mental dan rohani.

Pembangunan modal insan boleh dicapai dengan menambah akses kepada pendidikan dan latihan. Ini boleh dilakukan menerusi peruntukan peluang pendidikan dan latihan serta penyediaan kemudahan yang lebih baik untuk mendapat pendidikan atau menjalani latihan.

Kedua-dua langkah itu perlu sejajar unjuran pertumbuhan tenaga kerja dalam tempoh IMP3. Misalnya, dalam tempoh lima tahun pertama IMP3, jumlah keseluruhan tenaga kerja dijangkakan bertambah pada kadar purata 1.9 peratus setahun daripada 10.9 juta pada 2005 kepada 12 juta pada 2010.

Sektor perkhidmatan akan terus menjadi sumber pekerjaan terbesar, menjadikannya 52.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan menjelang 2010 manakala 30 peratus lagi dalam sektor pembuatan.

Dalam perkhidmatan bukan kerajaan, kebanyakan pekerjaan akan diwujudkan dalam subsektor seperti perdagangan agihan, pelancongan serta perkhidmatan ke-

wangan, insurans dan perniagaan.

Pekerjaan dalam sektor pertanian dianggarkan 11.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan pada 2010.

Dengan itu, tenaga kerja mahir yang lebih besar diperlukan sejajar sasaran menjadikan sektor itu sebagai lebih berasaskan komersial dan berintensifkan pengetahuan.

Antara kategori tenaga mahir yang diperlukan ialah ahli sains pertanian dan sains tanah, ahli botani dan herba, serta pakar dalam bidang akuakultur dan perladangan organik. Penggunaan kaedah penanaman dan mekanisasi berteknologi tinggi dijangka meningkatkan produktiviti sektor ini serta mengurangkan pergantungan kepada buruh tidak mahir.

Bagi tempoh 2011 hingga 2020 pula, jumlah pekerjaan dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi, terutama dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan, yang dijangka menyumbang lebih 95 peratus kepada KDNK pada 2020.

Dengan penggunaan lebih banyak mesin dan automasi, serta peralihan ke arah kegiatan dengan nilai tambah lebih tinggi, keperluan terhadap tenaga kerja yang berintensifkan pengetahuan juga dijangka turut meningkat.

Bagi mencapai matlamat itu, negara perlu mempersiapkan dan menyediakan modal insan terlatih, mahir, kreatif serta inovatif dalam bidang yang sudah dikenal pasti.

Keperluan ini hanya dapat dipenuhi rakyat Malaysia jika mereka berkelayakan dari segi pendidikan dan latihan serta meningkatkan kepakaran masing-masing bagi mengurangkan kepada tenaga buruh asing.

Sehubungan itu langkah awal yang diambil KUTPM mendatangkan hasil. Sehingga kini, jika diambil kolej universiti ini sebagai 'case study', nyata sekali latihan industri 3 hingga 6 bulan yang didedahkan kepada graduannya dan kurikulum yang relevan kepada industri berpihak kepadanya. Rata-rata, 90.8 peratus graduannya memulakan kerjaya mereka dalam tempoh enam bulan selepas meninggalkan universiti.

Usaha meningkatkan kelayakan serta ke-

pakaran akan meningkatkan permintaan terhadap pendidikan dan latihan. Antara faktor utama yang dijangka mendorong ke arah peningkatan permintaan terhadap pendidikan dan latihan pada masa depan ialah:

● Arah aliran demografi.

Dengan anggaran peningkatan kadar penduduk sebanyak 1.6 peratus setahun, bilangan rakyat Malaysia berusia antara 17 hingga 23 tahun yang mendapat pendidikan tertiar dijangka bertambah kepada empat juta menjelang 2010 dan 4.3 juta pada 2020.

● Peningkatan pendapatan individu.

Dengan pertumbuhan peningkatan pendapatan, individu akan lebih kemampuan melanjutkan pelajaran, terutama pada peringkat lebih tinggi dan memerlukan kepakaran khusus, atau mengikuti latihan bagi meningkatkan kemahiran mereka, tanpa terlalu bergantung kepada pembiayaan penaja sama ada sektor kerajaan mahupun swasta.

● Peningkatan kesedaran.

Kesedaran terhadap pembelajaran sepanjang hayat adalah perlu untuk terus kekal diambil bekerja. Peningkatan kesedaran mengenai pembelajaran sepanjang hayat akan mendorong individu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing sejajar perubahan persekitaran serta tuntutan semasa dalam kerjaya masing-masing.

● Permintaan terhadap kelayakan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Sejajar dengan matlamat untuk meningkatkan daya saing rakyat dan negara pada peringkat global, termasuk menembusi pasaran antarabangsa, rakyat Malaysia bukan saja perlu mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam tetapi memiliki kelayakan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

● Bentuk baru pembelajaran.

Dengan pengenalan bentuk baru pembelajaran seperti e-pembelajaran, peningkatan penggunaan internet dan pelaksanaan sistem e-dagang serta penyumbangan luar sistem itu, permintaan terhadap bentuk baru pembelajaran akan meningkatkan keperluan terhadap pendidikan dan latihan.

Peningkatan permintaan terhadap pendidikan dan latihan pada masa depan, akan meningkatkan cabaran kepada penyedia pendidikan dan latihan, terutama institusi pendidikan tinggi dan latihan, sama ada di sektor awam mahupun swasta.

Cabaran utama yang bakal mereka hadapi masa depan bukan saja dari segi keupayaan menyediakan tempat dan kemudahan menampung permintaan yang bakal meningkat, tetapi juga kesesuaian modul pendidikan serta latihan yang disediakan dengan keperluan semasa dan masa depan.

Sehubungan itu, penyedia pendidikan dan latihan perlu peka dengan perubahan pada peringkat domestik dan global serta menyediakan modul pendidikan dan latihan yang bersifat fleksibel.

Prof Datuk Mohd Shukri Ab Yajid ialah Presiden Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM)

